

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	20 APRIL 2017

Malaysia bukan negara gagal

BH-20/4/2017

→ PM jawab pelbagai tohmahan, laporan media isu program pembangunan kerajaan

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman
wananwar@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak menolak tohmahan pelbagai pihak dan laporan tidak tepat media mengenai program pembangunan oleh kerajaan dan langkah proaktif memajukan negara serta rakyat.

Antara isu yang diperjelaskan Perdana Menteri adalah usaha kerajaan menarik pelabur, dakwaan Malaysia menggadai kedaulatan negara untuk menarik pelaburan langsung asing (FDI), menyekat kebebasan bersuara dan masalah laporan palsu yang disebarkan menerusi media sosial.

Penjelasan itu disampaikan dalam ucapannya pada malam Anugerah Media Asia Ke-16 bertema Memperkukuh Percetakan Dalam Era Digital anjuran Persatuan Akh-

bar dan Penerbit Baharu Sedunia (WAN-IFRA) di sini malam tadi.

Berhubung tohmahan membara masuk FDI ke negara ini, beliau berkata keyakinan pelabur asing, khususnya dari China, Arab Saudi dan India ini membuktikan Malaysia bukan sebuah negara gagal.

“Ia menjadi tanda kukuh negara luar mengiktiraf pencapaian serta segala usaha dilakukan Malaysia memajukan negara ini dengan membawa masuk FDI.

Peluang pekerjaan baharu

“Kemasukan FDI membawa beribu-ribu peluang pekerjaan baharu, pemindahan kemahiran dan akan membantu melonjakkan ekonomi Malaysia menjadi negara inovasi dan perusahaan utama di rantau ini pada abad ke-21 dan akan datang.

“Beberapa pengkritik dengan sedikit pengetahuan ekonomi mendakwa FDI akan menyebabkan kami menjual kedaulatan negara. Tetapi Malaysia menggalakkan ke-

masuk FDI sejak mencapai kemerdekaan. Adakah kami mengorbankan kedaulatan negara? Sudah tentu tidak,” katanya.

Najib berkata, kemasukan FDI membuktikan kepada masyarakat dunia bahawa Malaysia adalah tempat yang baik untuk menjalankan perniagaan, meneroka perniagaan baharu dan mengembangkan perniagaan.

“Malah, Perunding BAV dan Wharton School di Universiti Pennsylvania, baru-baru ini menerbitkan laporan memilih Malaysia sebagai negara terbaik untuk melabur. Mereka berkata kami peneraju yang jelas.

“Saya bertanya kepada anda, adakah ini menjadi petanda Malaysia sebuah negara yang gagal kepada anda?” soalnya.

Kerajaan lebih terbuka

Najib juga menegaskan Malaysia mengamalkan kebebasan bersuara dan kerajaan bersikap lebih

terbuka kepada rakyat menyuarakan pendapat mereka sama ada menyokong atau membantah pihak lain, berbanding negara lain.

Namun, beliau lebih bimbang kepada media sosial yang menyebarkan pelbagai berita palsu dan khabar angin, terutama dilakukan pemimpin pembangkang sehingga membuatkan rakyat percaya kepada laporan palsu.

Justeru, Perdana Menteri mengingatkan penerbit, penyunting, wartawan dan pereka bertanggungjawab untuk mengekalkan kepercayaan pembaca terhadap tajuk berita yang dipaparkan.

“Kerajaan Malaysia akan berada bersama anda. Apa yang kami minta sebagai balasan adalah peluang untuk mengingatkan anda supaya mengutamakan laporan dan sumbernya, bukan bergantung kepada khabar angin, petikan dari sumber tidak sah atau propaganda, tetapi daripada sumber yang sah,” katanya.